

21/07/1999

PM galak pelumba pasang wawasan besar

Hassan Omar

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad yakin pelumba basikal tempatan mampu mencapai kejayaan dalam pertandingan peringkat antarabangsa jika mereka berdisiplin dan bersungguh-sungguh menjalani latihan.

Menurut Perdana Menteri, tiada kejayaan yang tidak mampu dicapai jika pelumba basikal memberikan komitmen yang tinggi ketika latihan, selain harus mampu memelihara disiplin.

Dr Mahathir yang mengambil perlumbaan basikal peringkat antarabangsa Le Tour de France sebagai contoh, berkata pelumba basikal tempatan juga mampu mempamerkan kehebatan dalam perlumbaan itu jika konsep berkenaan menjadi amalan.

"Kita harap pelumba basikal kita akan terus berlatih dan menjadi jaguh.

"Saya harap satu hari nanti orang kita akan dapat berlumba dalam pertandingan peringkat antarabangsa seperti Tour de France," katanya ketika ditemu bual pengacara majlis Kejohanan Lumba Basikal Terbuka Kedah di Jitra, semalam.

Dr Mahathir turut melepaskan peserta pertandingan kriterium basikal bukit (mountain bike) bagi pelajar sekolah yang dibahagikan kepada tiga kategori, iaitu bawah 12 tahun, bawah 15 dan bawah 18.

Perdana Menteri dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali adalah dalam rangka lawatan selama dua hari di Kedah, khususnya di Parlimen Kubang Pasu, sejak kelmarin.

Kelmarin, Shahrulneeza Razali yang mencatatkan masa 2'43:33:01 muncul johan acara Jalan Raya Lelaki Elit dengan menerima hadiah wang tunai RM1,000.

Tempat kedua Mahazir Hamad yang menerima hadiah RM700 manakala Tesn Seong Hoong, Faizul Izuan Abdul Rahman dan Musairi Musa, masing-masing menerima RM500, RM350 dan RM250.

(END)